

Headline	Penduduk Empangan Kenyir `dipindah`		
MediaTitle	Utusan Malaysia (Timur)		
Date	12 Nov 2018	Language	Malay
Circulation	6,500	Readership	19,500
Section	News	Page No	56
ArticleSize	131 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 2,025		



Penduduk Empangan Kenyir `dipindah`

HULU TERENGGANU

11 Nov. - Sekiranya Empangan Kenyir melimpah, penduduk di beberapa penempatan yang berhampiran tentunya lebih awal terdedah kepada banjir, justeru adalah perlu mereka bersedia lebih awal untuk berpindah jika arahan dikeluarkan.

Hari ini seramai 523 penduduk dari 10 buah kampung pagi ini `dipindahkan` ke pusat penempatan setelah kawasan mereka dilanda banjir akibat limpahan air daripada empangan tersebut.

Kesemua mereka `digerakkan` dengan menaiki kenderaan termasuk lori dan bot selain kenderaan pacuan empat roda sejourus dikejutkan dengan bunyi siren kecemasan setelah air empangan berkenaan mencecah paras bahaya 153 meter.

Bagaimanapun, `situasi mencemaskan` itu adalah sebahagian daripada simulasi banjir sempena program Keselamatan Empangan `Latih Amal Tindak Balas Kecemasan` Penduduk Mukim Jenagor dan Kuala Berang yang diadakan pagi ini.

Ketua Penolong Pegawai Daerah Hulu Terengganu, Mohd, Zalizan Sulong berkata, program anjuran Jawatankuasa Pengurusan Bencana daerah tersebut diadakan secara bersepadu melibatkan 20 agensi termasuk Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan badan bukan kerajaan (NGO).

Menurutnya, lain-lain agensi terlibat ialah Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) serta Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).